

Akta antigangguan seksual antara 6 inisiatif untuk wanita – PM

Akta Pembiayaan Kewangan diperkenal bagi membolehkan pihak bank membekukan akaun bank suami atas arahan mahkamah



DATUK Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan enam inisiatif daripada kerajaan bagi memastikan [wanita Malaysia](#) terus diperkasa termasuk mewujudkan Rang Undang-undang Antigangguan Seksual (BDPS).

Rang undang-undang itu merupakan salah satu daripada enam inisiatif kerajaan yang diumumkan Perdana Menteri bagi memperkasa wanita di negara ini.

Lima lagi inisiatif penubuhan Majlis Wanita Negara serta mewajibkan sambutan Hari Wanita diadakan di semua peringkat pada setiap 8 Mac bagi menghargai dan mengiktiraf peranan dan sumbangan wanita.

“Bagi membantu wanita yang perlu menghadapi proses perceraian yang panjang, Institusi Hakam di bawah Mahkamah Syariah dimantapkan lagi.

“Hakam merupakan satu kaedah untuk memudah dan mempercepatkan proses perceraian di kalangan pasangan Islam.

“Kaedah ini diperkenalkan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia bagi mengatasi masalah kes-kes perceraian berkaitan perceraian yang mengambil masa sehingga memudaratkan pasangan yang ingin bercerai,” katanya semasa [merasmikan](#) sambutan Hari Wanita 2022 di Kuala Lumpur malam ini.

Hadir sama Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Harun.

Selain memperkasa institusi hakam, Ismail Sabri berkata, kerajaan melalui Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia turut memperkenalkan Akta Pembiayaan Kewangan yang mana pihak bank boleh membekukan akaun bank suami atas arahan mahkamah.



Kata beliau, pihak bank juga dibenarkan membuat bayaran daripada akaun suami yang telah dibekukan tersebut kepada isteri sekiranya isteri ada membuat tuntutan yang melibatkan wang ringgit di mahkamah, atau dipanggil Hiwalah. Kata beliau, pihak bank juga dibenarkan membuat bayaran daripada akaun suami yang telah dibekukan tersebut kepada isteri sekiranya isteri ada membuat tuntutan yang melibatkan wang ringgit di mahkamah, atau dipanggil Hiwalah.